



KENYATAAN MEDIA
YAB TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
PERDANA MENTERI MALAYSIA
MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS KABINET
MENGENAI ANTI RASUAH (JKKMAR) 5/2019
19 SEPTEMBER 2019

1. Saya telah mempengerusikan mesyuarat siri yang ke-10 Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) bilangan 5 tahun 2019 sebentar tadi. Sebanyak **9 kertas mesyuarat** telah dibincangkan dan dimaklumkan fokus kepada inisiatif-inisiatif yang telah digariskan dalam Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023 berkaitan dengan usaha untuk menambah baik governans dan integriti dalam memerangi rasuah.

2. Keputusan-keputusan penting yang telah dicapai dalam mesyuarat JKKMAR iaitu:
 - 2.1 Bagi memastikan Perkhidmatan Awam bersifat professional, mempunyai pengasingan kuasa, fungsi dan penandaan (demarcation) yang jelas antara Anggota Pentadbiran dan Penjawat Awam, JKKMAR **hari ini bersetuju** supaya usaha Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menggubal **Akta Perkhidmatan Awam** diteruskan dan dibentangkan dalam dalam Mesyuarat Jemaah Menteri, bagi memastikan peningkatan integriti dan governans di kalangan penjawat awam dalam menjalankan urus tadbir tanpa rasa bimbang, pilih kasih, tekanan dan ancaman.

 - 2.2 Kerajaan tidak menafikan terdapat keperluan untuk perolehan secara rundingan terus dan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam mesyuarat hari ini telah mengemukakan cadangan bagi memastikan perolehan yang dibuat

secara rundingan terus dapat dilaksanakan secara lebih telus dan jelas. Bagi tujuan itu, **JKKMAR bersetuju** dengan syor daripada JAN untuk **memperkasakan lagi kaedah perolehan secara rundingan terus** dan perkara ini akan dirujuk kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

- 2.3 Negara mengalami **kebocoran hasil di pintu keluar masuk antara RM 3 bilion hingga RM 5 bilion setahun** akibat masalah integriti pegawai dan kekurangan peralatan teknologi terkini. Sehubungan itu **mesyuarat secara prinsip bersetuju** dengan syor yang dikemukakan bagi memperkasakan kecekapan dan ketelusan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) antaranya dengan meningkatkan penggunaan teknologi dalam pengoperasian JKDM dengan mewujudkan pusat kawalan setempat, pemantauan melalui Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan menambah mesin pengimbas berteknologi Artificial Intelligence (AI) serta Alat Bantuan Operasi (ABO).
- 2.4 Bagi tujuan memantapkan Pemeriksaan Imigresen di Pintu-pintu Masuk Negara, mesyuarat hari ini **bersetuju secara prinsip** bahawasanya terdapat keperluan meningkatkan sistem pemantauan dengan pemasangan **CCTV Pintu Masuk Negara** . Pemasangan CCTV di pintu masuk ini dapat membantu meningkatkan kecekapan Jabatan Imigresen Malaysia dan integriti pegawainya.
- 2.5 Selaras dengan janji kerajaan hari ini untuk Menjadikan **PDRM** Pasukan Yang Dihormati dan Disegani, **JKKMAR** terdapat keperluan bagi meningkatkan penyelenggaraan dan penggunaan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) dalam Lokap-lokap PDRM dalam usaha meningkatkan ketelusan, mencegah salah laku dan menangani masalah kematian dalam tahanan. Sehubungan itu mesyuarat bersetuju supaya keutamaan diberikan bagi selenggaraan dan naiktaraf CCTV Lokap.

Mesyuarat turut dimaklumkan mengenai keperluan untuk mewujudkan ***Custodial Medical Unit (CMU)*** di **lima (5)** Lokap Berpusat Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kolaborasi strategik bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

- 2.6 Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa Satu Arahan YAB PM akan disediakan mengenai panduan dan tatacara pengeluaran penyataan sokongan dalam apa jua bentuk oleh Anggota Pentadbiran terpakai kepada semua Anggota Pentadbiran, pegawai awam di peringkat Persekutuan, juga dipanjangkan serta tertakluk kepada penerimaannya di peringkat Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
3. Menjelang sesi ucapan Belanjawan 2020, Kerajaan akan memastikan bahawa hasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berintegriti tinggi dan pengurusan governans yang baik terus dilaksanakan melalui inisiatif-inisiatif dalam Pelan Antirasuah Nasional atau National Anti-Corruption Plan (NACP).

PEJABAT PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
19 September 2019